

## **BAB TIGA**

### **MAKLUMAT AGENSI DAN PROFIL RESPONDEN**

#### **3.1. Pengenalan**

Bab ini menerangkan mengenai maklumat agensi Kementerian Perusahaan Utama dari segi penubuhan, misi, objektif, struktur organisasi, peranan dan sumbangan Kementerian Perusahaan Utama bersama dengan profil responden dari segi kumpulan jawatan, jantina, umur, status perkahwinan, kelulusan akademik, tempoh perkhidmatan dan pendapatan.

#### **3.2. Maklumat Agensi**

##### **3.2.1. Penubuhan**

Kementerian Perusahaan Utama telah ditubuhkan pada tahun 1972 melalui penggabungan Bahagian Eksport Komoditi, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan beberapa unit daripada Kementerian Pertanian dan Tanah<sup>181</sup>.

---

<sup>181</sup> Laman Web Kementerian Perusahaan Utama, <http://www.kpu.gov.my>

### **3.2.2. Misi**

Misi Kementerian Perusahaan Utama adalah untuk mewujudkan dan meningkatkan kelebihan daya saing Malaysia di pasaran dunia bagi komoditi-komoditi terpilih serta produk-produk bernilai tambah dan menggalakkan perkembangan komoditi tertentu yang dianggap strategik dari segi ekonomi dan sosial di dalam pembangunan negara<sup>182</sup>.

### **3.2.3. Objektif**

Objektif penubuhan Kementerian Perusahaan Utama pula adalah seperti berikut:-

Pertamanya, untuk memaksimumkan sumbangan sektor komoditi kepada pendapatan negara, tukaran asing dan pembangunan teknologi.

Keduanya, untuk meningkatkan kecekapan, daya pengeluaran dan daya saing sektor komoditi.

---

<sup>182</sup> Diambil daripada Misi Korporat Kementerian Perusahaan Utama

Ketiganya, untuk memperkuatkan pasaran sedia ada dan menembusi pasaran baru.

Keempatnya, untuk menyediakan infrastruktur dan khidmat sokongan yang perlu bagi pertumbuhan sektor utama dan sektor ketiga<sup>183</sup>.

### **3.2.4. Carta Organisasi**

Dari segi politik Kementerian Perusahaan Utama dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama dan dibantu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama. Manakala dari segi pentadbiran, Kementerian Perusahaan Utama diketuai oleh Ketua Setiausaha, dibantu oleh dua orang Timbalan Ketua Setiausaha, lapan orang Setiausaha Bahagian, 23 orang Ketua Penolong Setiausaha dan 34 orang Penolong Setiausaha dan selebihnya staf sokongan seramai 107 orang<sup>184</sup>.

Carta Organisasi Kementerian Perusahaan Utama adalah seperti di **LAMPIRAN 1**. Berdasarkan kepada Carta Organisasi Kementerian Perusahaan Utama, terdapat sembilan bahagian yang memainkan peranan bagi melaksanakan segala polisi-

---

<sup>183</sup> Diambil daripada Buku Anggaran Belanjawan Kementerian Perusahaan Utama Tahun 2000

<sup>184</sup> Senarai Perjawatan 2000, Jilid 1, Kementerian Kewangan Malaysia, m.s. 397-398

polisi yang berkaitan dengan pembangunan sektor komoditi utama dan industri yang berasaskan komoditi utama<sup>185</sup>.

Bahagian-bahagian tersebut ialah, Bahagian Kemajuan Industri Getah, Bahagian Kemajuan Industri Minyak Sayuran dan Lelemak, Bahagian Perancangan Strategik atau Korporat, Bahagian Kemajuan Industri Koko, Tembakau dan Galian, Bahagian Kemajuan Industri Kayu-kayan, Bahagian Perhubungan Antarabangsa, Bahagian Kemajuan Industri Hutan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, dan Bahagian Teknologi Maklumat<sup>186</sup>.

Selain daripada itu, terdapat dua Jabatan, iapan Badan Berkanun dan sebuah syarikat berada di bawah penyeliaan Kementerian Perusahaan Utama bagi membantu perlaksanaan polisi, program dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan komoditi utama. Jabatan-jabatan tersebut ialah Jabatan Mineral dan Geosains, dan Jabatan Perhutanan. Badan-badan Berkanun pula ialah *Palm Oil Board of Malaysia, Malaysian Rubber Board, National Tobacco Board, Malaysian Timber Industry Board, Forest Research Institute of Malaysia, Malaysian Pineapple Industry Board, Malaysia Cocoa Board* dan *Tin Industry Research and Development Board*. Manakala *Malaysia*

---

<sup>185</sup> Profile: Malaysia's Primary Commodities (1998), 8<sup>th</sup> Issues, Ministry of Primary Industries Malaysia, m.s. 19

<sup>186</sup> Ibid.

*Rubber Development Corporation* merupakan sebuah syarikat yang berdaftar mengikut Akta Syarikat<sup>187</sup>.

### 3.2.5. Peranan

Pada awal penubuhannya, Kementerian Perusahaan Utama hanya mengawalselia dua komoditi utama iaitu komoditi getah dan komoditi timah kemudian berkembang kepada komoditi kelapa sawit, komoditi koko, komoditi kayu-kayan, komoditi nanas, komoditi lada, komoditi tembakau dan lain-lain selaras dengan perluasan Dasar Pertanian Negara, Dasar Ekonomi Baru (sekarang digantikan dengan Dasar Pembangunan Nasional), Dasar Perindustrian Negara dan sebagainya<sup>188</sup>.

Bagi memudahkan perlaksanaan dan penyelarasan polisi-polisi yang berkaitan dengan komoditi utama, Kementerian Perusahaan Utama sentiasa mengadakan hubungan yang baik dengan semua kementerian-kementerian, agensi-agensi pusat dan juga kerajaan-kerajaan negeri. Selain daripada itu, Kementerian Perusahaan Utama juga menjadi ahli di dalam beberapa pertubuhan antarabangsa seperti *International Tropical Timber Organisation* (ITTO), *The Cocoa Producers' Alliance* (CPA), *International Cocoa Organisation* (ICCO),

---

<sup>187</sup> Ibid.

<sup>188</sup> <http://www.kpu.gov.my>

*International Pepper Community (IPC), Asian Pacific Coconut Community (APCC) dan Association of Natural Rubber Producing Countries (ANRPC)*<sup>189</sup>.

Kementerian Perusahaan Utama juga terlibat secara langsung dalam kerjasama pelbagai-hala, kerjasama serantau dan kerjasama dua-hala. Melalui kerjasama pelbagai-hala Kementerian Perusahaan Utama terlibat secara langsung dalam *World Trade Organisation (WTO), Common Fund for Commodities (CFC), Group of Fifteen (G-15), Commonwealth Heads of Governments Meeting (CHOGM), Food and Agriculture Organisation (FAO), Economics and Social Commission for Asia and Pacific (ESCAP), Group of Seventy Seven (G-77)* dan sebagainya. Penglibatan Kementerian dalam organisasi di atas membolehkan Malaysia menekankan kepada kerjasama yang lebih bagi menyelesaikan isu-isu yang melibatkan komoditi, memperkenalkan dan menggalakkan program dan projek secara bersama serta memperluaskan dagangan di dalam komoditi utama dan keluaran yang berdasarkan komoditi<sup>190</sup>.

Kementerian Perusahaan Utama juga aktif di dalam kerjasama serantau melalui penglibatan di dalam forum-forum, mesyuarat-

---

<sup>189</sup> Profile: Malaysia's Primary Commodities (1998). Op.Cit., m.s.16

<sup>190</sup> Profile: Malaysia's Primary Commodities (1998). Op.Cit., m.s.168-169

mesyuarat dan persidangan-persidangan di peringkat *Association of South East Asian Nations (ASEAN)* terutamanya dengan mengadakan berbagai kerjasama sesama ASEAN terutamanya di dalam perdagangan dan pelaburan. Dalam kerjasama serantau Kementerian secara langsung terlibat di dalam mesyuarat dan persidangan *ASEAN Free Trade Area (AFTA)*, *ASEAN Investment Area (AIA)*, *Brunei-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA)*, *ASEAN Ministers on Agriculture and Forestry (AMAF)* dan sebagainya<sup>191</sup>.

Selain daripada itu, Kementerian Perusahaan Utama juga terlibat di dalam kerjasama dua-hala, melalui hubungan dua-hala, kedua-dua pihak boleh menumpukan kepada perkara-perkara yang lebih spesifik seperti mengadakan penyelidikan secara bersama, menjalankan projek dan program secara bersama dan sebagainya<sup>192</sup>.

### **3.2.6. Sumbangan**

Pada masa kini walaupun struktur ekonomi negara telah berubah daripada pertanian kepada perindustrian, sektor komoditi utama masih lagi dominan di dalam membantu

<sup>191</sup> Profile: Malaysia's Primary Commodities (1998).Op.Cit., m.s.169-173

<sup>192</sup> Profile: Malaysia's Primary Commodities (1998).Op.Cit., m.s.173-175

pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara. Sektor komoditi utama bukan sahaja menyediakan input bagi kegunaan sektor industri seperti sektor pembuatan dan pemprosesan malah sektor komoditi utama juga menyumbang kepada peluang pekerjaan, output dan pendapatan eksport negara.

Dalam tahun 1998, sektor komoditi utama menyediakan lebih kurang 716,809 peluang pekerjaan. Pecahan peluang pekerjaan mengikut sektor komoditi adalah seperti berikut: sektor getah 41,583 pekerjaan (tidak termasuk kira-kira 500,000 keluarga pekebun kecil), sektor kelapa sawit 338,743 pekerjaan (tidak termasuk 72,000 pemilik rumah di dalam skim tanah sektor awam), sektor koko 14,600 pekerjaan, sektor lada 55,500 pekerjaan, sektor nanas 6,990 pekerjaan, sektor tembakau 22,836 pekerjaan, sektor kelapa 1,036 pekerjaan, sektor perhutanan 233,638 pekerjaan dan sektor timah 1,883 pekerjaan<sup>193</sup>.

Manakala dari segi eksport dan output dalam tahun 1998, komoditi utama dan keluaran yang berdasarkan komoditi utama (tidak termasuk petroleum dan gas) menyumbang lebih kurang 17.4 peratus bagi jumlah pendapatan eksport dan lebih kurang 9.7 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Dari

---

<sup>193</sup> Statistics on Commodities (1999). Ministry of Primary Industries, Malaysia, m.s. 10

segi nilai, pendapatan eksport daripada komoditi utama dan output berasaskan komoditi adalah RM47.72 billion dalam tahun 1998 berbanding RM 36.87 billion bagi tahun 1997. Semasa negara dilanda kegawatan ekonomi, sektor komoditi utama telah menunjukkan prestasi yang baik dan membantu kepada pemulihian ekonomi negara melalui pendapatan eksport di samping membantu menaikkan Imbangan Dagangan bagi keseluruhan Imbangan Pembayaran negara<sup>194</sup>.

### 3.3. Profil Responden

#### 3.3.1. Taburan Responden Mengikut Kumpulan Jawatan

Jadual 3.1. menunjukkan mengenai taburan responden mengikut kumpulan jawatan. Berdasarkan kepada jadual tersebut, 34.15 peratus responden adalah Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 65.85 peratus adalah Staf Sokongan Kumpulan B, C dan D.

**Jadual 3.1. Taburan Responden Mengikut Kumpulan Jawatan**

Kumpulan Jawatan	Bilangan
Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional	28 (34.15%)
Staf Sokongan Kumpulan B, C dan D	54 (65.85%)
Jumlah	82 (100%)

**Sumber:** Data Kajian

<sup>194</sup> Ibid., m.s.14

### **3.3.2. Taburan Responden Mengikut Jantina**

Jadual 3.2. menunjukkan mengenai taburan responden mengikut jantina. Dari segi keseluruhan responden, 56.1 peratus responden adalah wanita dan selebihnya 43.9 peratus adalah lelaki. Dari segi pecahan mengikut kumpulan jawatan pula, bagi kategori pegawai bilangan responden lelaki adalah melebihi bilangan responden wanita di mana responden lelaki adalah seramai 20 orang (71.42 peratus) berbanding wanita hanya 8 orang (28.58 peratus) sahaja. Manakala bagi kategori staf sokongan, bilangan responden wanita pula melebihi bilangan responden lelaki di mana responden wanita adalah seramai 38 orang (70.38 peratus) dan responden lelaki pula seramai 16 orang (29.62 peratus).

**Jadual 3.2. Taburan Responden Mengikut Jantina**

Jantina	Keseluruhan	Pegawai	Staf Sokongan
Lelaki	36 (43.9%)	20 (71.42%)	16 (29.62%)
Perempuan	46 (56.1%)	8 (28.58%)	38 (70.38%)
Jumlah	82 (100%)	28 (100%)	54 (100%)

**Sumber:** Data Kajian

### **3.3.3. Taburan Responden Mengikut Umur**

Jadual 3.3. menunjukkan mengenai taburan responden mengikut umur. Dari segi keseluruhan responden, kumpulan

terbesar responden berada pada tahap umur 41 hingga 45 tahun iaitu sebanyak 31.70 peratus, diikuti dengan tahap umur 30 tahun ke bawah iaitu sebanyak 24.4 peratus, tahap umur 36 hingga 40 tahun 18.3 peratus, tahap umur 46 hingga 50 tahun 13.41 peratus dan akhir sekali tahap umur 31 hingga 35 tahun sebanyak 12.19 peratus.

Dari segi pecahan responden mengikut kumpulan jawatan pula adalah seperti berikut: bagi kategori pegawai, kumpulan terbesar responden berada pada tahap umur 36 hingga 40 tahun iaitu sebanyak 32.14 peratus, diikuti dengan 28.57 peratus pada tahap umur 30 tahun ke bawah, 21.43 peratus pada tahap umur 31 hingga 35 tahun, 14.29 peratus pada tahap umur 41 hingga 45 tahun dan hanya seorang pegawai berumur dalam lingkungan 46 tahun dan ke atas.

Manakala bagi kumpulan staf sokongan pula, staf yang berumur di antara 41 hingga 45 tahun adalah sebanyak 40.74 peratus, diikuti dengan 22.22 peratus pada tahap umur 30 tahun ke bawah, 18.52 peratus berumur di antara 46 tahun dan ke atas, 11.11 peratus dalam kumpulan umur 36 hingga 40 tahun dan akhir sekali 7.41 peratus berumur antara 31 hingga 35 tahun.

### Jadual 3.3. Taburan Responden Mengikut Umur

Kumpulan Umur	Keseluruhan	Pegawai	Staf Sokongan
30 tahun dan ke bawah	20 (24.4%)	8 (28.57%)	12 (22.22%)
31-35 tahun	10 (12.19%)	6 (21.43%)	4 (7.41%)
36-40 tahun	15 (18.3%)	9 (32.14%)	6 (11.11%)
41-45 tahun	26 (31.70%)	4 (14.29%)	22 (40.74%)
46 tahun dan ke atas	11 (13.41%)	1 (3.57%)	10 (18.52%)
Jumlah	82 (100%)	28 (100%)	54 (100%)

Sumber: Data Kajian

### 3.3.4. Taburan Responden Mengikut Status Perkahwinan

Jadual 3.4. menunjukkan mengenai taburan responden mengikut status perkahwinan. Secara keseluruhan, 80.49 peratus responden sudah berkahwin dan hanya 19.51 peratus masih belum berkahwin. Pecahan dari segi kumpulan jawatan pula, 78.57 peratus pegawai telah berkahwin dan bakinya 21.43 peratus masih bujang. Manakala bagi staf sokongan pula, 81.48 peratus atau 44 orang staff sokongan sudah berumahtangga dan bakinya 18.52 peratus masih bujang.

**Jadual 3.4. Taburan Responden mengikut Status Perkahwinan**

Status Perkahwinan	Keseluruhan	Pegawai	Staf Sokongan
<b>Belum Berkahwin</b>	<b>16 (19.51%)</b>	<b>6 (21.43%)</b>	<b>10 (18.52%)</b>
<b>Berkahwin</b>	<b>66 (80.49%)</b>	<b>22 (78.57%)</b>	<b>44 (81.48%)</b>
<b>Duda/Janda</b>	-	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>82 (100%)</b>	<b>28 (100%)</b>	<b>54 (100%)</b>

**Sumber:** Data Kajian

### **3.3.5. Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik**

Jadual 3.5. menunjukkan mengenai taburan responden mengikut kelulusan akademik. Dari segi keseluruhan, sebanyak 41.46 peratus responden berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia, diikuti dengan Ijazah Sarjana Muda 29.26 peratus, Sijil Rendah Pelajaran 14.63 peratus, Sijil Tinggi Persekolahan atau Diploma 9.76 peratus dan terdapat 4 responden yang memiliki Ijazah Sarjana.

Dari segi pecahan mengikut kumpulan jawatan, bagi responden pegawai kesemua responden memiliki Ijazah Pertama dan terdapat 4 pegawai yang memiliki Ijazah Sarjana. Manakala bagi staf sokongan pula, sebilangan besar staf sokongan memiliki Sijil Pelajaran Malaysia iaitu, seramai 34 orang (62.97 peratus) diikuti dengan kelulusan Sijil Rendah Pelajaran 22.22 peratus dan selebihnya 14.81 peratus memiliki Sijil Tinggi Persekolahan ataupun Diploma.

**Jadual 3.5. Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik**

Kelulusan Akademik	Keseluruhan	Pegawai	Staf Sokongan
Sijil Rendah Pelajaran	12 (14.63%)	-	12 (22.22%)
Sijil Pelajaran Malaysia	34 (41.46%)	-	34 (62.97%)
Sijil Tinggi Persekutuan Malaysia/Diploma	8 (9.76%)	-	8 (14.81%)
Ijazah Sarjana Muda	24 (29.27%)	24 (85.71%)	-
Ijazah Sarjana	4 (4.88%)	4 (14.29%)	-
Jumlah	82 (100%)	28 (100%)	54 (100%)

**Sumber:** Data Kajian

### **3.3.6. Taburan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan**

Jadual 3.6. menunjukkan mengenai taburan responden mengikut tempoh perkhidmatan. Dari segi keseluruhan responden, terdapat 4.88 peratus responden berkhidmat melebihi 26 tahun dan ke atas, 25.61 peratus berkhidmat dalam lingkungan 21 hingga 25 tahun, 18.3 peratus berkhidmat 16 hingga 20 tahun, 10.98 peratus berkhidmat 11 hingga 15 tahun, 14.63 peratus 6 hingga 10 tahun dan 25.61 peratus berada dalam perkhidmatan 5 tahun dan ke bawah.

Dari segi pecahan mengikut kumpulan jawatan, bagi responden pegawai 42.85 peratus berada dalam kategori 5 tahun dan ke bawah, tempoh perkhidmatan 6 hingga 10 tahun 17.86 peratus, 11 hingga 15 tahun 17.86 peratus dan 16 hingga 20 tahun juga 17.86 peratus. Hanya seorang responden pegawai berada dalam kategori tempoh perkhidmatan 21 tahun dan ke atas.

Manakala bagi staf sokongan pula, 37.03 peratus berada dalam kategori 21 hingga 25 tahun perkhidmatan, 18.52 peratus dalam kategori 16 hingga 20 tahun perkhidmatan, 16.67 peratus dalam kategori 5 tahun dan ke bawah dan selebihnya 7.41 peratus bagi tempoh perkhidmatan 11 hingga 15 tahun dan 7.41 peratus lagi berkhidmat melebihi 26 tahun dan ke atas.

**Jadual 3.6. Taburan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan**

Tempoh Perkhidmatan	Keseluruhan	Pegawai	Staf Sokongan
5 tahun dan ke bawah	21 (25.61%)	12 (42.85%)	9 (16.67%)
6-10 tahun	12 (14.63%)	5 (17.86%)	7 (12.96%)
11-15 tahun	9 (10.98%)	5 (17.86%)	4 (7.41%)
16-20 tahun	15 (18.3%)	5 (17.86%)	10 (18.52%)
21-25 tahun	21 (25.61%)	1 (3.57%)	20 (37.03%)
26 tahun dan ke atas	4 (4.87%)	-	4 (7.41%)
Jumlah	82 (100%)	28 (100%)	54 (100%)

Sumber: Data Kajian

### **3.3.7. Taburan Responden Mengikut Pendapatan**

Jadual 3.7. menunjukkan mengenai taburan responden mengikut pendapatan. Dari segi keseluruhan responden, majoriti responden berada di dalam kumpulan pendapatan RM1,001 hingga RM2,000 iaitu sebanyak 59.76 peratus, 21.95 peratus dalam kategori pendapatan RM1,000 dan ke bawah, 9.76 peratus memiliki pendapatan dalam lingkungan RM2,001 hingga RM3,000 dan selebihnya 8.53 peratus berada dalam kumpulan pendapatan RM3,001 dan ke atas.

Dari segi pecahan mengikut kumpulan jawatan pula, bagi kumpulan pegawai 46.43 peratus memiliki pendapatan dalam lingkungan RM1,001 hingga RM2,000, 28.57 peratus dalam kategori RM2,001 hingga RM3,000 dan selebihnya 25 peratus berpendapatan RM3,001 dan ke atas. Manakala bagi staf sokongan, majoriti staf sokongan berada dalam kumpulan pendapatan RM1,001 hingga RM2,000 iaitu sebanyak 66.67 peratus dan selebihnya 33.33 peratus menerima pendapatan bulan kurang daripada RM1,000.

**Jadual 3.7. Taburan Responden Mengikut Pendapatan**

Pendapatan	Keseluruhan	Pegawai	Staf Sokongan
<b>RM1,000 dan ke bawah</b>	<b>18 (21.95%)</b>	-	<b>18 (33.33%)</b>
<b>RM1,001-RM2,000</b>	<b>49 (59.76%)</b>	<b>13 (46.43%)</b>	<b>36 (66.67%)</b>
<b>RM2,001-RM3,000</b>	<b>8 (9.76%)</b>	<b>8 (28.57%)</b>	-
<b>RM3,001 dan ke atas</b>	<b>7 (8.53%)</b>	<b>7 (25%)</b>	-
<b>Jumlah</b>	<b>82 (100%)</b>	<b>28 (100%)</b>	<b>54 (100%)</b>

Sumber: Data Kajian